

**Usah Persoal Siapa Calon PRU-13, Kata Pemimpin Umno Pahang
Bernama
8 September, 2012**

JERANTUT, 8 Sept (Bernama) -- Anggota Umno diminta tidak mempersoalkan siapa yang bakal dicalonkan pada Pilihan Raya Umum ke-13, sebaliknya bekerja keras bagi menghadapi pilihan raya umum yang disifatkan paling getir itu.

Ketua Umno Bahagian Jerantut Tan Sri Tengku Azlan Sultan Abu Bakar berkata anggota Umno perlu menyerahkan perkara itu kepada pucuk pimpinan untuk membuat keputusan.

"Perkara itu biarlah pucuk pimpinan yang menentukan, tetapi jika boleh, biarlah anak tempatan dan mereka yang diterima rakyat.

"Yang penting, kita hendak menang, kita tidak mahu menang sorak, kampung tergadai," katanya ketika merasmikan persidangan perwakilan Pergerakan Wanita Umno Bahagian Jerantut.

Beliau berkata anggota Umno juga diminta tidak terlalu yakin dan mendabik dada meskipun sesuatu kerusi Dewan Undangan Negeri atau Parlimen disandang calon Barisan Nasional (BN).

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=693103>